

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
TAWARAN SEBUTHARGA**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor / syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja / perkhidmatan / bekalan berikut:

No. Sebutharga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj SB 6/2020	Perkhidmatan Pembersihan Parit Monsun Dari Jalan Bahagia 10 Melalui Jalan Bahagia 28, Taman Sri Bahagia Cheras.				
MPKj SB 7/2020	Perkhidmatan Pembersihan Parit Monsun Di Jalan 5/1 Melalui Jalan 5/6 Taman West Country Sehingga Ke Sungai Langat, Kajang.				
MPKj SB 8/2020	Perkhidmatan Pembersihan Parit Monsun Di Sepanjang Jalan P10/10 Seksyen 10 Bandar Baru Bangi.				
MPKj SB 9/2020	Perkhidmatan Pembersihan Parit Monsun Di Sekitar Kawasan Perindustrian Cheras Jaya.				
MPKj SB 10/2020	Perkhidmatan Pembersihan Parit Monsun Di Jalan Prima Saujana 1/3D Melalui Jalan Persiaran Prima Saujana Dan Jalan Jenaris 2C Taman Jenaris Sehingga Ke Kolam Takungan.	KKM	221002	RM50.00	22 Jun 2020 Hingga 25 Jun 2020
MPKj SB 11/2020	Perkhidmatan Pembersihan Parit Monsun Dari Pangsapuri UKM, Melalui Jalan 3/4B Sehingga Jalan 3/2F Seksyen 3 Bandar Baru Bangi.				
MPKj SB 12/2020	Perkhidmatan Pembersihan Parit Monsun Di Jalan CJ8 (Jalan 9A) Sehingga Jalan E18, Industri Cheras Jaya, Cheras.				
MPKj SB 13/2020	Perkhidmatan Pembersihan Parit Monsun Di Jalan Kota 1 Taman Seri Kota Dan Jalan Bunga Tanjung Taman Setia Melalui Jalan Seri Emas 4, Taman Seri Emas Sehingga Ke Sungai Langat, Kajang.				

DOKUMEN MEJA TERKAWAL

Dokumen Meja Terkawal boleh disemak di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my>

Penyebutharga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara atas talian di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

Pembelian Dokumen Tawaran secara atas talian diwajibkan melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup sebutharga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **22HB. JUN 2020 HINGGA 25HB JUN 2020**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dihantar secara serahan tangan / pos di kaunter** di Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Kajang, Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan **SEBELUM atau PADA 25HB. JUN 2020 (KHAMIS) JAM 5.00 PETANG**. Sila patuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghantar dokumen tawaran seperti memastikan penjarakan sosial dipatuhi dan tidak dibenarkan menghantar dokumen tawaran secara berkumpulan.

LAWATAN TAPAK

Lawatan tapak adalah **tidak diwajibkan**. Namun begitu, Penyebutharga dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan sebutharga bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan sebutharga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.

Dalam hal ini, sekiranya Penyebutharga mahu melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan, amalan penjarakkan, penggunaan 'hand sanitizer' dan pemakaian 'face mask' perlu dipatuhi seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).